

Keputusan Kes Liwat Pengaruhi Masa Depan Politik Anwar (GAMBARAN KESELURUHAN)
Bernama
7 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pasti menjadi tumpuan ramai Isnin ini untuk mengetahui keputusannya tentang perbicaraan kes liwat melibatkan pemimpin pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selain anggota keluarga dan penyokong Anwar, media tempatan dan asing juga dijangka memenuhi setiap ruang di mahkamah itu yang terletak di tingkat lima Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) berusia 64 tahun itu dihadapkan ke mahkamah pada 7 Ogos Ogos 2008 atas tuduhan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 26, dalam apa yang disifatkan sebagai antara kes jenayah paling lama dibicarakan di mahkamah.

Beliau dituduh melakukan kesalahan itu di Kondominium Desa Damansara, Bukit Damansara antara pukul 3.10 petang dan 4.30 petang, 26 Jun 2008.

Mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan, perbuatan melakukan persetubuhan luar tabii boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika disabitkan kesalahan.

Sekiranya disabitkan kesalahan, Anwar -- yang menghadapi tuduhan liwat untuk kali kedua -- tidak akan dikenakan hukuman sebat kerana berusia lebih 50 tahun.

Pemerhati politik mengikuti perkembangan ini dengan penuh teliti kerana yakin bahawa keputusan mahkamah Isnin ini akan memberi kesan terhadap masa depan politik Anwar dan strategi pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum, yang dipercayai akan diadakan dalam tempoh terdekat.

Mengikut Perkara 48, Fasal 5 Perlembagaan Persekutuan, seseorang yang dikenakan hukuman penjara tidak kurang 12 bulan atau denda tidak kurang RM2,000 kerana kesalahan jenayah, tidak boleh bertanding dalam mana-mana pilihan raya.

Peraturan itu berkuatkuasa mulai hari hukuman dijatuhkan, tanpa mengira sama ada orang berkenaan berjaya mengetepikan hukuman berkenaan di peringkat rayuan.

Pada 1998, Anwar, bersama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar, pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan dijatuhkan hukuman penjara sembilan tahun oleh Mahkamah Tinggi yang mensabitkan kesalahannya pada tahun 2000.

Bagaimanapun, Anwar dibebaskan pada 5 Sept 2004, apabila Mahkamah Persekutuan, dalam keputusan majoriti 2-1nya, mengetepikan sabit kesalahan dan hukuman penjara terhadap beliau. Mahkamah juga mengetepikan sabit kesalahan dan hukuman penjara enam tahun yang dikenakan terhadap Sukma.

Dalam perbicaraan kes liwatnya kali ini, Anwar memfailkan beberapa permohonan interlokutori, dengan tujuan, antara lain, agar mahkamah mengetepikan hakim perbicaraan kes itu, menarik balik pertuduhan terhadap beliau dan memerintahkan beliau diberi dokumen penting, termasuk sampel spesimen DNA Mohd Saiful serta laporan perubatan yang disediakan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Beliau juga gagal dalam usaha memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor sebagai saksi pembelaan apabila mahkamah meluluskan permohonan pasangan itu untuk mengetepikan sapina yang memerlukan kehadiran mereka memberi keterangan.

Satu lagi perkara menarik tentang perbicaraan kes ini ialah keterangan Mohd Saiful kepada mahkamah bahawa dia tidak mencuci anusnya selepas kejadian yang didakwa berlaku tiga tahun lepas itu, untuk mengekalkan buktinya.

Pihak pendakwaan memanggil 26 saksi, termasuk tiga pakar dari HKL, yang membuat pemeriksaan terhadap Mohd Saiful pada 28 Jun 2008, dua hari selepas kejadian yang didakwa itu, berlaku.

Pihak pendakwaan juga memanggil Datuk Dr S Jeyaindran, yang membuat pemeriksaan terhadap Anwar tiga minggu selepas kejadian itu dikatakan berlaku, untuk menyanggah keterangan saksi pendakwaan pakar bedah ortopedik Dr Thomas Hoogland bahawa amat tidak mungkin bagi Anwar melakukan aksi liwat seperti yang dikatakan Mohd Saiful, kerana masalah sakit belakang yang beliau alami.

Pada 16 Mei 2010, Hakim Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah memerintahkan Anwar membela diri setelah membuat keputusan bahawa pengadu dalam kes ini, Mohd Saiful, adalah saksi yang bercakap benar dan berwibawa.

Pihak pembelaan memanggil lapan saksi, termasuk Anwar, yang memilih untuk memberi keterangan dari kandang, tanpa mengangkat sumpah.

Pada akhir pembentangan kes mereka, pihak pendakwaan mendedahkan bahawa profil DNA "Male Y" yang ditemui di dalam anus Mohd Saiful adalah kepunyaan Anwar, dan perkara ini diketahui hasil analisis DNA yang dibuat ahli kimia Nor Aidora Saedon terhadap sampel DNA yang diambil dari bilik tahanan yang digunakan Anwar dan analisis oleh Dr Seah Lay Hong terhadap sampel yang diambil dari Mohd Saiful.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638498>